

29 NOV 2000

NTT MSC-ARCNET

NTT MSC PERKENAL "ARCNET" UNTUK PASARAN SERANTAU

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- NTT MSC Sdn Bhd yang berasaskan teknologi maklumat (IT), hari ini mengumumkan perkhidmatan "Arcnet" yang dibangunkan di Cyberjaya untuk diperluaskan di rantau ini.

Arcnet akan menawarkan segala perkhidmatan akses dan produk yang berasaskan internet, termasuk simpanan data, hos laman web, sistem pembayaran dalam talian, aplikasi gerbang dan e-dagang.

Dalam satu kenyataan di sini, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif NTT MSC Hotta Akio berkata Arcnet akan dilancarkan dengan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Dis ini.

Perkhidmatan Arcnet, katanya, termasuk perkhidmatan akses internet dan rumusan e-dagang untuk syarikat-syarikat multinasional, syarikat kecil dan sederhana dan juga orang perseorangan.

Beliau berkata Arcnet dibangunkan di Cyberjaya untuk merebut peluang-peluang besar yang terdapat di rantau ini yang belum diterokai dalam sektor niaga-ke-niaga (B2B) dan niaga-ke-pengguna (B2C).

NTT MSC adalah anak syarikat milik penuh NTT Communications Corporation, pengendali telekomunikasi dan pembekal perkhidmatan IT terbesar di Jepun.

Ia ditubuhkan pada 1997 dan memindahkan operasinya ke Cyberjaya pada Julai 1999. Setakat ini, syarikat itu lebih melabur lebih RM90 juta di Cyberjaya.

Ia meramal akan menjana perolehan tahunan sebanyak RM6 juta dan mensasarkan perolehannya akan meningkat kepada RM20 juta menjelang 2003, di mana 50 peratus daripadanya akan dijana daripada pusat data dan perkhidmatan hos laman web yang berkait secara langsung dengan e-niaga. --  
BERNAMA

MUN SD JR